

**Soalan Lazim**  
**Financial Planning Solution Package (Pakej FPSP)**

**1. Apakah “Financial Planning Solution Package”?**

*Financial Planning Solution Package* (“Pakej FPSP”) ialah satu kombinasi pelaburan dana harga berubah dan harga tetap yang ditawarkan oleh ASNB pada satu tempoh kempen. Tawaran Pakej FPSP ini juga tertakluk kepada unit yang masih ada bagi dana unit amanah yang terlibat.

**2. Apakah kelebihan saya melabur dalam Pakej FPSP?**

Anda boleh merancang pelaburan anda menerusi kepelbagaian portfolio yang mengabungkan dana harga berubah dan harga tetap pada satu masa.

**3. Berapa lamakah tempoh Pakej FPSP ditawarkan?**

Pakej FPSP yang ditawarkan adalah mengikut tempoh kempen. Sila rujuk laman web ASNB dan portal myASNB berkaitan tawaran pakej dan tempoh kempen.

**4. Siapakah yang layak untuk menyertai Pakej FPSP ini?**

- Semua pemegang unit ASNB yang memenuhi kriteria kelayakan dana unit amanah yang ditawarkan mengikut kempen Pakej FPSP.
- Pemegang unit yang tidak mempunyai pelaburan dalam dana harga berubah terpilih hendaklah membuat pelaburan permulaan terlebih dahulu.

**5. Adakah pelaburan permulaan diperlukan sekiranya saya tidak mempunyai dana harga tetap yang terdapat dalam Pakej FPSP berkaitan?**

Pelaburan permulaan tidak diperlukan untuk dana harga tetap apabila anda melanggan Pakej FPSP.

**6. Bolehkah saya melanggan Pakej FPSP menerusi akaun anak?**

Boleh. Pakej FPSP juga boleh dilanggan untuk akaun anak.

**7. Berapakah had pelaburan Pakej FPSP?**

Jumlah pelaburan minimum ialah RM10,000 dan maksimum RM30,000 bagi setiap transaksi.

**8. Bagaimanakah pecahan pelaburan saya sekiranya saya melabur RM10, 000 menerusi Pakej FPSP?**

Pecahan pelaburan adalah berdasarkan nisbah pelaburan yang ditetapkan mengikut kempen. *Contoh:* Pecahan pelaburan untuk nisbah 50%:50% ialah RM5,000 bagi setiap dana. Pecahan seperti jadual di bawah:

Kempen Pakej FPSP	Nisbah (%)	Jumlah Pelaburan (RM)
A	<ul style="list-style-type: none"><li>• ASM 3 - 50%</li><li>• ASN Sara 2 - 50%</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• ASM 3 - RM5,000</li><li>• ASN Sara 2 - RM5,000</li></ul>

**9. Bolehkah saya melabur dalam kempen Pakej FPSP yang sama berulang kali?**

Ya, anda boleh melabur dalam kempen Pakej yang sama berulang kali.

**10. Bolehkah saya mengubah kombinasi dan nisbah Pakej FPSP dana harga tetap dan harga berubah?**

Tidak boleh. Kombinasi dan nisbah dana harga tetap dan harga berubah telah ditetapkan dalam Pakej FPSP yang ditawarkan mengikut kempen.

**11. Adakah pelaburan dalam dana harga tetap dan harga berubah menerusi Pakej FPSP akan dikemaskini serta-merta dalam akaun portal myASNB?**

Ya. Unit akan diperuntukkan serta dikemaskini bagi kedua-dua dana harga tetap dan harga berubah apabila urusan niaga selesai. Walau bagaimanapun, pelaburan tambahan bagi dana harga berubah berdasarkan harga hadapan akan dikemaskini dalam tempoh dua hari bekerja (T+2).

**12. Adakah saya dijamin untuk mendapat unit dana harga tetap yang ditawarkan dalam Pakej FPSP pada tempoh kempen?**

Tidak. Unit bagi dana harga tetap yang ditawarkan dalam pakej bergantung kepada unit sedia ada (yang mana berkaitan) sepanjang tempoh kempen berlangsung. Jika unit-unit bagi dana harga tetap telah dilanggan sepenuhnya, Pakej FPSP untuk kempen tersebut tidak lagi boleh dilanggan.

**13. Bolehkah saya memilih untuk melabur dalam unit harga berubah secara terus tanpa perlu melanggan Pakej FPSP?**

Ya, anda boleh melanggan unit amanah harga berubah yang ditawarkan dalam Pakej FPSP secara terus dan caj jualan adalah pada kadar biasa. Walau bagaimanapun, anda tidak akan mendapat peruntukan unit untuk dana harga tetap bagi kombinasi yang ditawarkan dalam kempen Pakej FPSP.

**14. Adakah terdapat tempoh masa bertenang untuk Pakej FPSP?**

Tempoh masa bertenang tidak terpakai untuk Pakej FPSP.

**15. Bolehkah saya menjual, menukar dan memindah pelaburan dana harga tetap atau/dan harga berubah yang dilanggan menerusi Pakej FPSP?**

Ya, anda boleh melaksanakan urusan niaga tersebut.

(Nota:Caj jualan bagi dana harga berubah telah dikenakan ke atas setiap pelaburan tambahan yang dibuat menerusi Pakej FPSP.)

**16. Bolehkah saya menjual balik unit langganan Pakej FPSP pada hari yang sama?**

Tidak boleh. Urusan niaga pada hari yang sama (same-day-transaction) tidak dibenarkan.

**17. Bolehkah saya melanggan Pakej FPSP untuk pelaburan menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP?**

Langganan Pakej FPSP untuk pelaburan menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP adalah tidak dibenarkan.

**18. Mengapakah urusan niaga pelaburan yang dibuat menerusi Pakej FPSP saya tidak berjaya?**

Urusan niaga anda tidak berjaya mungkin disebabkan oleh:

- Dana unit harga tetap yang ditawarkan dalam Pakej FPSP telah habis dilanggan; atau

- Anda tidak mempunyai baki yang mencukupi dalam akaun simpanan/semasa bank semasa membuat pindahan jumlah untuk pelaburan menerusi Pakej FPSP.

**19. Adakah Pakej FPSP hanya boleh dilanggan menerusi portal myASNB sahaja?**

Tidak. Pakej FPSP juga boleh dilanggan menerusi kaunter cawangan dan ejen ASNB mengikut tempoh kempen yang ditawarkan oleh ASNB.

**20. Bilakah waktu operasi untuk melanggan Pakej FPSP menerusi portal myASNB dan bagaimanakah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan ini?**

Waktu operasi portal myASNB ialah pada Isnin hingga Jumaat, bermula jam 7 pagi hingga 6 petang (waktu tempatan). Untuk mendapatkan maklumat lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03 – 7730 8899 bermula jam 8 pagi sehingga 10 malam.

**28 April 2022**